

## **AMALAN BAHAN BANTU PENGAJARAN GURU DALAM PENGAJARAN NAHU KURIKULUM BERSEPADU DINI SEKOLAH AGAMA**

**Fariahah Hussain (PhD)**

Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman

*fariahah\_hussain@ipda.edu.my*

*\*Corresponding author*

**Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (PhD)**

Universiti Kebangsaan Malaysia

**Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis (PhD)**

Universiti Kebangsaan Malaysia

**Mohammad Zamri Jusoh**

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

### **ABSTRAK**

Bahan bantu pengajaran merupakan asas pengajaran berkesan. Namun, masih terdapat sebahagian kecil guru kurang menitikberatkan perkara ini ketika mengajar. Malah dalam kajian lepas menyatakan bahawa penggunaan BBP berada pada tahap rendah terutama penggunaan komputer. Oleh demikian, kajian ini bertujuan untuk memerihalkan penggunaan bahan bantu pengajaran (BBP) dalam pengajaran nahu kurikulum bersepadu dini (KBD) sekolah agama di Kedah. Penggunaan BBP semasa aktiviti dilaksanakan di dalam kelas menjadikan pelajar lebih kolaboratif, kreatif, kritis, komunikasi (4K 1N) dan wujudnya nilai kerjasama dan toleransi dalam kalangan pelajar. Kajian ini berbentuk kajian kes, dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai tujuh orang guru yang mengajar nahu al-Lughah al-Arabiah al-Mua'siroh (LAM), KBD yang berkhidmat di beberapa buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Kedah telah dipilih sebagai peserta kajian melalui kaedah persampelan bertujuan. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Data dianalisis berbantuan perisian ATLAS.ti. 8. Dapatan kajian membuktikan guru Bahasa Arab mengaplikasikan pelbagai kategori BBP dalam pengajaran nahu. Hal ini dijelaskan dengan terpancarnya tiga kategori BBP dalam kajian ini iaitu kategori bahan maujud, bahan bercetak dan bahan teknologi. Hasil kajian ini disarankan agar guru dapat mengaplikasikan dalam pengajaran nahu agar pengajaran berkesan dan lebih menyeronokkan.

**Kata kunci:** Bahan Bantu Pengajaran, Kurikulum Bersepadu Dini, Sekolah Agama

## ***PRACTICE OF TEACHING AIDS IN THE TEACHING OF INTEGRATED GRAMMAR CURRICULUM EARLY IN RELIGIOUS SCHOOLS***

### **ABSTRACT**

*Teaching aids are the basis of effective teaching. However, there are still a small number of teachers who do not pay much attention to this matter when teaching. Even in previous studies stated that the use of teaching aids is at a low level, especially the use of computers. Therefore, this study aims to describe the use of teaching aids in the teaching of integrated grammar curriculum early in religious schools in Kedah. The use of teaching aids during classroom activities makes the students more collaborative, critical, communicative and the value of cooperation and tolerance among students. This study is a case study, using a qualitative approach. Seven teachers who teach the grammar of al-lughah al-arabiah al-mua'siroh KBD who served in several government aid religious schools in Kedah had been selected as a research participant through a purposive sampling method. Data collection was conducted through semi structured interviews, observation of teaching and analysis of documents. Data analyzed with the help of Atlas ti 8 software. The findings of the study prove that Arabic language teachers apply various categories of teaching aids in grammar teaching. This is explained by the emission of three categories of teaching aids in this study, namely the categories of existing materials, printed materials and technology materials. The results of this study are suggested that teachers can apply in teaching grammar. So teaching grammar is effective and more fun.*

**Keyword:** *Instructional Materials, Integrated Dini Curriculum, Religious Schools*

### **PENGENALAN**

Pendidikan kini jauh berbeza dengan pendidikan terdahulu, pendidikan abad ke-21 adalah sinonim dengan era digital bertunjangkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Serentak dengan perubahan ini, maka profesionalisme guru juga perlu dipertingkatkan memandangkan guru ialah tunjang dan pelopor kemahiran abad ke-21 dalam melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu pelan transformasi pendidikan ke arah menyediakan pendidikan abad ke-21. Kemahiran penggunaan bahan bantu pengajaran (BBP) adalah salah satu elemen dalam pengajaran abad ke-21. Kecanggihan penggunaan BBP dapat mempengaruhi minat dan motivasi pelajar dalam kelas (Subahan Mohd. Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa, 2017). Hal ini disokong dengan dapatan kajian (Muna Hamzan, 2016) menunjukkan bahawa tahap penggunaan ICT dalam pengajaran adalah tinggi. BBP berperanan bagi

menambahkan kefahaman dan meningkatkan pencapaian murid dalam pengajaran (Norshida Hashim, 2012).

Di samping itu, guru juga adalah pelaksana kurikulum. Kurikulum yang dimaksudkan dalam penulisan ini merujuk kurikulum bersepadu dini (KBD) yang telah diiktiraf sebagai kurikulum kebangsaan pada tahun 2012. Pelaksanaannya bermula pada tahun 2015 di semua sekolah Agama seluruh Malaysia di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penulisan ini hanya memfokuskan kepada sekolah agama di Kedah. Terdapat dua puluh tujuh buah sekolah agama iaitu sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) yang telah berdaftar di bawah KPM. Manakala dari segi guru yang mengajar di SABK adalah terdiri daripada guru interim (masih perlukan kursus pada masa cuti (KDC), guru KPM dan guru sedia ada semasa sekolah agama bertaraf sekolah agama rakyat (SAR). Apatah lagi sekiranya di dalam satu kelas terdapat pelajar yang mempunyai kebolehan yang berbeza-beza (Ghazali Yusri et al., 2012).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memerlukan pengorbanan yang tinggi daripada kesediaan guru dalam menyediakan bahan bantu pengajaran (BBP). BBP adalah salah satu perkara yang perlu disediakan oleh guru dalam pengajaran. Namun masih terdapat dalam kalangan guru yang kurang menguasai dan menggunakan bahan bantu pengajaran (BBP) dalam kelas. Min tahap kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dari perspektif guru (min = 2.18) dan pelajar (min = 2.16) berada pada tahap yang rendah (Maimun 2014). Begitu juga dalam kajian Othman, (2015) yang menyatakan bahawa penggunaan BBP berbantuan komputer dikalangan 59 orang guru kemahiran hidup adalah pada tahap sederhana walaupun mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan BBP berbantuan komputer dalam P&P. Manakala kajian Aziz, (2013) menunjukkan tahap penggunaan ICT di kalangan guru sekolah menengah agama adalah sederhana walaupun kesediaan guru adalah tinggi terhadap penggunaan ICT dalam P&P. Dapatan kajian Mini Kit Manhaj sebagai bahan BBP menunjukkan bahan bantu mengajar ini mampu membantu siswa pendidik mengingat dan memahami perkataan dan istilah yang dipelajari (Sumaiyah Sulaiman et al., 2015).

Implikasi kajian kepada guru ialah keperluan kepelbagaian teknik dan bahan bantu mengajar untuk meningkatkan penguasaan berbahasa Arab dalam kalangan murid Bahasa Arab dan menjadikan pengajaran lebih berkesan. Hal ini dibuktikan dalam kajian lepas, menyatakan bahawa murid dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran dengan penggunaan slide *powerpoint*, gambar dan kad imbasan dalam pengajaran (Norshida Hashim, 2012).

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk memerihai penggunaan amalan bahan bantu pengajaran (BBP) guru bahasa Arab dalam pengajaran nahu kurikulum

bersepadu dini sekolah agama di Kedah. Pengkaji membataskan kajian ini terhadap penggunaan bahan bantu pengajaran dalam pengajaran nahu tingkatan tiga dan empat sahaja kurikulum bersepadu dini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian kes. Kajian kes dilaksanakan kerana pengkaji berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam, bukan untuk menguji sesuatu hipotesis (Othman Lebar 2018). Kajian kes juga merupakan satu kajian yang menjelaskan satu kelompok kecil secara mendalam (Sabitha Marican 2005) dalam kehidupan sebenar (Creswell J.W, 2013). Stake pula menyatakan kajian kes adalah pilihan kes yang akan dikaji (Robert E. Stake, 1995). Kes yang dikaji dalam kajian ini ialah efikasi guru dalam pengajaran nahu. Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian ialah menggunakan pendekatan temubual, pemerhatian dan analisis dokumen (Merriam, 2009). Penyelidikan kualitatif adalah untuk memahami masalah manusia melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan sebenar dan mendalam (Cresswell, 2012). Peserta kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan seramai tujuh orang guru yang terdiri daripada dua guru perempuan dan lima guru lelaki. Antara kriteria yang telah ditentukan bagi pemilihan peserta kajian ialah peserta yang kaya maklumat dan mudah dihubungi dan peserta yang bersedia dan bersetuju menjadi peserta kajian untuk ditemu bual dan dibuat pemerhatian di dalam kelas pengajaran beliau. Pengkaji telah menemu bual peserta kajian sebanyak 14 siri dan membuat pemerhatian terhadap kesemua peserta kajian mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dipersetujui iaitu sebanyak 18 siri.

### **Pengumpulan Data**

Pengkaji adalah instrumen utama kajian (Othman Lebar, 2015). Satu set protokol temu bual telah disediakan oleh pengkaji bagi menemu bual dengan peserta kajian. Pengkaji telah mendapatkan kesahan protokol temu bual daripada tiga orang pakar bidang. Penyediaan alat rakaman suara digunakan bagi melancarkan urusan temu bual. Manakala senarai semak disediakan bagi kegunaan pemerhatian guru ketika pengajaran nahu. Semasa proses pengumpulan data berlangsung, semua peserta kajian telah memberikan kerjasama yang baik dan proses berjalan lancar.


### **Analisis Data**

Data mentah temu bual yang telah dikumpulkan telah diproses dengan memindahkan suara rakaman ke dalam bentuk penulisan (transkrip temu bual), manakala video rakaman pemerhatian dipindahkan dalam bentuk laporan pemerhatian dan analisis dokumen telah dikumpulkan sebagai rujukan seperti rancangan pengajaran harian guru, surat atau dokumen yang berkaitan.

Kemudian, semua data tadi dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian Atlas ti 8 bagi mengeluarkan tema-tema dalam kajian ini. Proses mengkodkan dilakukan dan seterusnya pengkaji mengkategorikan supaya tema dapat dibentuk. Seterusnya proses network dibentuk dan akhirnya melaporkan dapatan tersebut. Selepas itu pengkaji akan menulis semua laporan dan menyimpannya di beberapa tempat yang selamat.

## DAPATAN KAJIAN

Setelah selesai menganalisis data, maka terhasil tema bagi bahan bantu pengajaran (BBP) nahu sebagaimana yang akan dibincangkan. Pada asasnya dapatan kajian ini menghasilkan tiga kategori sub tema utama iaitu bahan teknologi (BT), bahan maujud (BM) dan bahan cetak (BC). Penulisan ini tidak membincangkan semua perincian bahan bantu secara terperinci. Perincian bagi setiap sub tema ini secara gambar rajah pokok dilampirkan di belakang. Pengkaji hanya akan memberi contoh beberapa sub tema sahaja dalam penulisan ini. Berikut adalah rajah pokok asas bahan bantu pengajaran nahu dalam kajian ini.



**Rajah 1:** Kategori Bahan Bantu Pengajaran Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran Nahu

Tema ini muncul hasil daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen daripada peserta kajian. Bahan teknologi yang digunakan adalah komputer, LCD, slaid power point, televisyen, dan radio. Manakala bahan bercetak ialah buku teks, lembaran kerja, kamus, gambar dan al-Quran. Bahan maujud pula ialah tanah liat, jari tangan, papan putih kecil dan besar, kertas sebak dan manila kad dan kotak beracun. Contoh laporan pemerhatian bagi BBP bahan maujud (jari tangan) ialah;

Guru meminta murid mengangkat jari bagi menyanyikan tasrif *dhomir* (ganti nama) dan *feel madhi* (kata kerja yang lepas). Guru juga menyanyi bersama-sama pelajar dengan bersemangat dan penuh gaya. (GLAM1/30012018/P1)

Semasa sesi pemerhatian, kelihatan GLAM1 meminta pelajarnya mengangkat jari tangan menggunakan ruas jari yang ada untuk menyebut tasrif

feel madhi. Guru meminta pelajar menyebut secara beramai menggunakan teknik nyanyian.

طيب: تصريف فعل الماض .

(pelajar menyebut tasrif *feel madhi* dalam bentuk nyanyian dengan menunjuk isyarat kata ganti diri jari je jari mereka. )

Berikut adalah tasrif *feel madhi* ( 14 perkataan) di mulakan dengan *zahaha*

الطالبة : ذهب ذهباً ذهبوا / ذهبت ذهبتا ذهبن / ذهبت ذهبتما ذهبتما /

ذهبت ذهبتما ذهبتما / ذهبت ذهبتما ذهبتن / ذهبت ذهبنا



**Rajah 2:** BBP Daripada Kad Manila

Selain itu, guru Lughah Arabiah Mua'siroh (GLAM2), beliau menggunakan bahan berbantuan komputer dalam pengajaran contohnya penggunaan komputer riba, slaid power point, roda impian secara teknologi dan melaksanakan gamifikasi seperti kahoot, dan plikers. Pengajaran dilaksanakan di makmal komputer bagi memudahkan pelajar menjawab soalan berbantuan komputer. Semasa sesi pemerhatian, kelihatan guru meminta pelajar mencari bahan di bawah tajuk khobar *خبر و أنواعها* sebelum aktiviti kahoot dijalankan., GLAM2 akan menayangkan slaid power point di samping BBP yang lain antaranya buku teks, kotak beracun, keratan /potongan ayat dan gambar. Berikut ialah contoh laporan pemerhatian GLAM2 ketika pengajaran:

“guru menunjukkan gambar orang sedang bermain bola sepak dengan menggunakan slaid power Point. Guru menanyakan soalan dengan menyebut nama pelajar terlebih dahulu iaitu

لعب الطالبة الكرة القدم يا عمر، ماذا ترى في الصورة؟  
(GLAM2/12022018/P2)

Begini juga GLAM6, kelihatan menggunakan televisyen sebagai alat BBP dalam pengajaran nahu, bagi memasang audio suara rakaman.

“memasang semula audio di televisyen tentang maksud jumlah *ismiah* iaitu

التي تبدأ بإسم الجملة الإسمية هي الجملة.

(GLAM6/27032018/P3)

Bagi contoh penggunaan gambar, GLAM2 memberi gambar kepada pelajar dan meminta pelajar membina ayat berdasarkan gambar secara berkumpulan. Berikut adalah contoh penggunaan gambar sebagai bahan bantu pengajaran guru.




### Rajah 3: BBP Gambar

Bagi penggunaan gambar ini, guru kelihatan mengedarkan gambar kepada pelajar satu bagi setiap kumpulan dan meminta mereka membina ayat menggunakan gambar sebagai *maf'ulbih* (مفعول). Secara berkumpulan memulakan perbincangan bagi membina ayat tersebut serta mewarnakan gambar. Semasa perbincangan dalam kumpulan, maka wujudlah kemahiran komunikasi antara pelajar, berfikiran kreatif dan kritis antara mereka. GLAM2 kelihatan bergerak dari meja ke meja pelajar bagi memantau hasil kerja ini. Apabila siap, pelajar dikehendaki melekatkan hasil kerja mereka dan membaca hasil binaan ayat mereka di hadapan pelajar lain.

Pada sesi pemerhatian lain, kelihatan GLAM5 mengedarkan lembaran kerja kepada semua pelajar dan meminta semua pelajar menjawab soalan yang telah disediakan. Kemudian guru membincangkan soalan tersebut di papan putih. Contoh laporan pemerhatian GLAM5 ialah;

“guru mengedarkan kertas lembaran kerja kepada semua murid dan meminta murid untuk berbincang di dalam kumpulan”  
(GLAM5/17012018/P1)



**Rajah 4:** Contoh Bahan Bantu Yang Digunakan Oleh Guru Berbantuan Perisian Atlas ti 8



Rajah 4 menunjukkan beberapa contoh penggunaan BBP dalam pengajaran nahu menggunakan slaid *powerpoint*, komputer, tanah liat, kertas sebak (mahjong) dan lembaran kerja. BBP yang ditunjukkan ini adalah aplikasi pengisian berbantuan Atlas ti yang telah membantu menganalisis data yang telah dikumpul oleh pengkaji. Gambar pertama menunjukkan bahawa guru menggunakan komputer dalam pengajaran nahu dengan menayangkan slaid ketika mengajar. Slaid ini digunakan semasa permulaan pengajaran (set induksi) dengan menyoyal kepada pelajar, apakah gambar yang telah dipasangkan. Gambar kedua komputer guru. Manakala gambar ketiga ialah tanah liat (BBP maujud) yang telah digunakan oleh guru bagi membentuk kalimah طيب . Guru meminta pelajar membentuk kalimah mufrad kepada jamak dengan menggunakan tanah liat. Gambar keempat (bawah) adalah gambar BBP maujud juga iaitu kertas sebak (mahjong) yang digunakan oleh pelajar bagi membentang hasil perbincangan mereka secara berkumpulan. Dan yang terakhir adalah kertas bercetak iaitu kertas lembaran kerja. Guru telah menyediakan lembaran kerja kepada pelajar untuk kemudahan pelajar membuat latihan di dalam kelas secara individu.

Kesimpulannya, guru perlu menguasai kemahiran penggunaan bahan bantu pengajaran bagi meningkatkan keyakinan dan kemampuan guru dalam pengajaran.

## IMPLIKASI KAJIAN

Penggunaan BBP juga perlukan kepada kemahiran dan pengetahuan yang mendalam daripada guru. Hal ini kerana guru perlu mengambil kira faktor kebolehan pelajar semasa penggunaan BBP di dalam kelas. Kemahiran dan pengetahuan guru akan menjadikan BBP menarik dan pengajaran menjadi berkesan. Salah satu contoh BBP ialah kamus. Tanpa kamus pelajar akan menghadapi kesulitan dalam penguasaan kosa kata. Dan pelajar tidak akan dapat mengetahui makna perkataan baru yang ditemuinya melainkan dengan cara merujuk kamus. Guru berperanan dalam membimbing pelajar menggunakan kamus dan menterjemahkan makna mengikut kehendak ayat (Ali Muda, 2012). Buku teks sepatutnya menjadi bahan bantu belajar di mana pelajar boleh membuat rujukan dengan pantas. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk memerihalkan BBP yang digunakan oleh guru dalam pengajaran nahu di Kedah.

Implikasi kajian ini ialah guru perlu meningkatkan lagi keyakinan guru melalui penambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat. Guru juga perlu tanam sifat keyakinan ketika mengajar dan juga ketika membuat bahan bantu mengajar, aktif mencari bahan daripada pelbagai sumber, berkemahiran dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Hal ini kerana kemahiran ini adalah salah satu elemen pedagogi abad ke-21 (Subahan Mohd. Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa, 2017), mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi terutama berkaitan penggunaan TMK dalam pendidikan dan dapat guru dapat menerapkan nilai kepada pelajar melalui penggunaan bahan bantu pengajaran nahu semasa melaksanakan aktiviti di dalam kelas. Guru perlu mahir

dalam penggunaan TMK sebelum melaksanakan dalam kelas. Justeru, implikasi kajian ini dapat disimpulkan melalui akronim di bawah iaitu i-YAKIN (lampiran)

## CADANGAN KAJIAN

Penulisan ini mencadangkan agar guru-guru yang mengajar nahu KBD menggunakan pelbagai bahan bantu pengajaran bagi menunjukkan kemampuan guru dan menjadikan pengajaran nahu lebih berkesan dan pelajar seronok mempelajari nahu. Guru-guru juga disarankan mengaplikasikan pengajaran berbantuan komputer seiring dengan dunia yang semakin canggih dengan pelbagai alat. Antara alat yang boleh diguna pakai oleh guru ialah telefon bimbit atau telefon pintar yang boleh memuat turun aplikasi QR code. Hal ini kerana QR code yang telah disediakan oleh pihak buku teks sekolah akan terus memuat turun you tube contohnya bagi tajuk yang terlibat. Ini akan memudahkan guru menggunakan aplikasi ini di dalam kelas. Bagi memenuhi tuntutan di atas, penambahan ilmu pengetahuan guru dari masa ke semasa perlu ditingkatkan.

## LAMPIRAN

### Implikasi Kajian




GURU YANG MENGAJAR NAHU PERLU GABUNGAN DALAM DIRI (Y.A.K.I.N) AGAR DAPAT MENINGKATKAN EFIKASI KENDIRI GURU DALAM PENGAJARAN

21

### Penggunaan Perisian Analisis Data

The collage features several elements related to data analysis software. At the top, the title 'ANALISIS DATA BERBANTUKAN ATLAS.TI 8' is prominently displayed. Below it, there is a box for 'atlasti ATLAS.ti 8 THE NEXT LEVEL' with a colorful logo. To the left, a book cover for '21 sebab kenapa saya rekemen ATLAS.ti 8 Windows' is shown. On the right, a circular flow diagram illustrates the workflow: TRANSKRIP (Transcription), SIMPAN (Save), TULIS (Write), LAPORAN (Report), NETWORK, KATEGORI (Category), and KOD (Code). Each step is represented by an icon and a label, connected by arrows in a clockwise cycle.

## Tema BBP Yang Terhasil



## RUJUKAN

- Ali Muda. (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi Dari Perspektif Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Sabk). *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, 2012, 34–47. <http://medcontent.metapress.com/index/A65RM03P4874243N.pdf>
- Cresswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Peason.
- Creswell J.W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design* (3rd ed). Singapore.
- Ghazali Yusri, Nik mohd Rahimi, Parilah M.Shah, Muhammad Arsyad Abdul Majid, & Wan Haslina Wah. (2012). Penggunaan bahan pembelajaran dalam kursus bahasa arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 215–233.
- Merriam, S. b. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Muna Hamzan. (2016). *Penggunaan teknologi ict dalam pengajaran bahasa arab di sekolah menengah kebangsaan agama*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norshida Hashim. (2012). *Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Robert E. Stake. (1995). *The art of case study research*. Sage Publications.
- Sabitha Marican. (2015). *Penyelidikan Sains Sosial*.
- Siti Aminah Sallehin, & Fazlinda Ab Halim. (2015). Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. *Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, 1–7.
- Subahan Mohd. Meerah, & Syed Ismail Syed Mustapa. (2017). *Pedagogi Abad ke-21*. Sasbadi Sdn Bhd.
- Sumaiyah Sulaiman, Normazidah mahmood, & Nur Ashikin Kamarudin. (2015). Kit Mini Manhaj Sebagai Bahan Bantu Mengajar Bahasa Arab. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan (SPKK)*, 501–510.